

Tenaga solar guna bateri EV untuk luar bandar Sabah, Sarawak

Izwan Abdullah
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu: Sistem baharu pembekalan elektrik luar bandar menggunakan tenaga solar yang dilengkapi bateri untuk kenderaan elektrik (EV) akan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata sistem itu menggunakan teknologi baharu bagi menggantikan sistem tenaga solar yang pernah digunakan sebelum ini di kawasan luar bandar kedua-dua negeri.

Katanya, bateri adalah masalah utama sistem tenaga solar sebelum ini, termasuk pergantungan kepada hanya satu pembekal untuk penukaran bateri menyebabkan ia tidak praktikal.

"Pemasangan panel solar ini sudah dilakukan lebih satu dekad yang lalu tetapi sistem penukaran bateri itu diberikan satu pihak sahaja sedangkan kawasan Sabah dan Sarawak ini luas.

"Maka ia tidak praktikal dan mengambil masa dan akhirnya kawasan yang menggunakan tenaga solar mengalami kegelapan yang lebih lama. Oleh itu sistem baharu perlu diwujudkan seperti bateri EV," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan penutupan Sidang Kemuncak Koperasi Belia Asia Pasifik, di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick dan Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Sabah, Datuk Abidin Madingkir.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata teknologi baharu tenaga solar untuk luar bandar Sabah dan Sarawak itu bakal membawa perubahan dalam pembekalan elektrik menerusi program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB).

Mengulas lanjut, beliau berkata bateri EV yang akan digunakan dalam sistem baharu tenaga solar itu mempunyai jangka hayat yang lebih lama.

Selain itu, katanya pembekal bateri untuk sistem tenaga solar yang akan dilaksanakan juga akan ditambah dan diletakkan di beberapa kawasan berbanding hanya satu pembekal yang digunakan sebelum ini.

Disiarkan pada: Julai 30, 2023 @ 6:15pm